

Malaysia mungkin beli peralatan pertahanan 'dari Poland

Daripada MOHD. KAMIL YUSUFF

UM 22 MAR 2002

WARSAW 21 Mac — Malaysia mungkin membeli beberapa peralatan pertahanan dari Poland yang boleh digunakan untuk Angkatan Tentera Malaysia, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, beliau telah mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatnya dari Poland. Leszek Miller mengenai perkara itu.

Bagaimanapun, katanya, setakat ini belum ada sebarang keputusan yang diambil kerana terdapat beberapa perkara yang memerlukan kajian terperinci terlebih dahulu.

"Kita ada berbincang kemungkinan untuk mendapatkan beberapa sistem pertahanan yang dimiliki oleh Poland kerana negara itu mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut," katanya pada sidang akhbar bersama dengan Miller selepas mengadakan pertemuan kira-kira setengah jam dengan rakan sejawatnya itu.

Perdana Menteri tiba di sini hari ini dari Jerman untuk mengadakan lawatan tiga hari.

Selepas pertemuan tersebut, beliau turut melakukan kunjungan hormat ke atas Presiden Poland. Aleksander Kwasniewski di Istana Presiden.

Semasa kunjungan hormat tersebut, Dr. Mahathir turut dianugerahkan

The Grand Cross of the Order of Merit of the Republic of Poland oleh Kwasniewski iaitu anugerah tertinggi Kerajaan Poland kepada ketua negara asing.

Menurut Dr. Mahathir lagi, walaupun belum ada sebarang keputusan diambil, tetani Poland berada dalam senarai teratas untuk tujuan pembelian tersebut.

Beliau memberitahu, beberapa negara lain turut menawarkan peralatan ketenteraan yang mereka miliki dan Malaysia memerlukan masa untuk membuat pilihan tersebut.

Difahamkan, Malaysia berminat untuk membeli kereta kebal dari Poland yang sesuai digunakan untuk bentuk muka bumi negara.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak juga telah mengadakan tinjauan ke kilang pembuatan kereta kebal tersebut, kira-kira 400 kilometer dari sini, semalam.

Esok, Perdana Menteri akan dibawa menyaksikan demonstrasi kereta kebal tersebut dan beberapa peralatan ketenteraan lain di Gdansk. sebuah bandar pelabuhan di utara Warsaw.

Mengenai perkara-perkara lain, Dr. Mahathir berkata, perbincangan tersebut turut menentuhkan soal minyak sawit Malaysia yang tidak begitu diketahui oleh rakyat Poland.

Sehubungan itu, beliau berkata, ke-

rajaan akan mengadakan promosi khas di negara ini untuk menerangkan mengenai kegunaan minyak sawit yang bukan sahaja untuk memasak tetapi juga bagi pembuatan produk makanan dan bahan pencuci.

"Minyak sawit adalah minyak yang bagus untuk kesihatan.

"Dengan memberikan lebih banyak maklumat, kita akan dapat meningkatkan perdagangan antara kedua-dua buah negara," ujarnya.

Menurut Perdana Menteri, jarak dan geografi bukan menjadi halangan untuk kedua-dua negara meningkatkan lagi hubungan dan Malaysia sebagai negara perdagangan memerlukan pasaran baru setiap masa.

Perdagangan

Katanya, walaupun terdapat defisit perdagangan antara Malaysia dan Poland tetani ia boleh diatasi dengan cara perdagangan terus yang tidak menggunakan negara ketiga.

"Memang betul ada defisit perdagangan antara Malaysia dan Poland, tetapi ia disebabkan oleh perdagangan melalui negara ketiga.

"Kita setuju untuk meningkatkan lagi perdagangan secara terus," ujarnya.

"Dr. Mahathir memberitahu, Malaysia berminat dalam pelbagai bidang industri di Poland seperti industri besi,

penerbangan, pembinaan, kereta api dan sebagainya.

Malaysia juga katanya, bersetuju meningkatkan kemudahan perjalanan udara antara kedua-dua buah negara bagi menyediakan ruang yang lebih luas untuk industri pelancongan.

Perdana Menteri berkata, beliau juga telah membuat jemputan rasmi kepada Miller supaya melawat Malaysia dan rakan sejawatnya itu memberi persetujuan mengenai perkara tersebut.

Sementara itu, Miller pada sidang akhbar tersebut memberitahu, kerajannya berminat untuk meningkatkan hubungan dalam pelbagai bidang dengan Malaysia yang dianggap sebagai rakan dagang yang baik.

Katanya, Poland bersedia menawarkan kepakaran dalam apa juga bidang kepada Malaysia, di samping meneliti apa yang boleh diperoleh dari Malaysia bagi meningkatkan hubungan dagang antara kedua-dua buah negara.

Kata beliau, sekiranya Malaysia jadi membeli peralatan ketenteraan dari Poland, ia akan memberi lebih banyak faedah kepada industri pertahanan negara itu. — *Utusan*